



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 03-2268 7333
Fax : 03-2268 7555
Laman Web : jknkl.moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil. (I) dlm. JKWPKL(K)/131/1 Jld. 15
Tarikh : 23 Januari 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENJELASAN KEPADA PERENGGAN 3.1 SEPERTI DI SURAT ARAHAN DALAMAN
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA
(JKWPKL & P) BIL. 2 TAHUN 2016 – GARIS PANDUAN PERMOHONAN WARAN
PERJALANAN UDARA AWAM (WPUA)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas. Surat Arahan Dalaman (SAD) Bil. 2 Tahun 2016 – Garis Panduan Permohonan WPUA bil. (41) dlm. JKWPKL(K)/131/1 Jld. 14 bertarikh 1 November 2016 adalah berkaitan.

2. Seperti yang YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Perenggan 3.1 di SAD Bil. 2 Tahun 2016 menyatakan seperti berikut:

“Pada masa ini, Jabatan mempunyai akaun pukal Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia Berhad. Sehubungan dengan itu, pengeluaran WPUA akan dikeluarkan berdasarkan akaun pukal sedia ada tertakluk kepada *availability* kuota WPUA Jabatan.”

3. Untuk menjelaskan Perenggan 3.1 di SAD Bil. 2 Tahun 2016 ini, penjelasan seperti di Perenggan 3 dan 4 surat ini hendaklah dibaca bersama dengan SAD Bil. 2 Tahun 2016.

Pada masa ini Jabatan mempunyai akaun pukal dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia Berhad (AirAsia) bagi tujuan pengeluaran WPUA. Kadar kelas kelayakan tambang yang ditawarkan oleh MAB dan AirAsia bagi pengeluaran WPUA adalah seperti berikut:

Malaysia Airlines Berhad		AirAsia Berhad	
Kod kelas	Perihal kelas kelayakan tambang	Kod kelas	Perihal kelas kelayakan tambang
H	Kelas Ekonomi Terhad	Y	Kelas Ekonomi Penuh
B	Kelas Ekonomi		
Y	Kelas Ekonomi Penuh		
C	Kelas Perniagaan		

4. Bagi pengeluaran WPUA kadar kelas ekonomi, Jabatan akan mengeluarkan WPUA kepada pihak MAB dengan kadar kelas ekonomi H dan kadar kelas ekonomi B akan dikeluarkan sekiranya kuota kadar kelas ekonomi H telah habis. Sekiranya kuota kadar kelas ekonomi B telah habis, **perbandingan harga tawaran WPUA kadar kelas ekonomi Y akan dibuat** di antara pihak MAB dan AirAsia. Jabatan akan mengeluarkan WPUA

KAMI SEDIA MEMBANTU



kepada MAB atau AirAsia berdasarkan **penawaran harga kadar kelas ekonomi Y yang terendah** selaras dengan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada Bahagian/Cawangan/Seksyen/Unit/Klinik Kesihatan/Klinik Kesihatan Ibu dan Anak/Klinik 1 Malaysia di bawah seliaan masing-masing.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENYAYANG, KERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menurut perintah,



(NAZRAHTUL AINI BINTI BAHARUM)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

b.p Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan Putrajaya

SALINAN KEPADA :-

1. Pengarah Kesihatan Negeri
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
7. Pengarah Hospital Putrajaya
8. Pengarah Hospital Rehabilitasi Cheras

EDARAN DALAMAN :-

1. Bahagian Pengurusan
2. Bahagian Kesihatan Awam
3. Bahagian Perubatan
4. Bahagian Farmasi
5. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
6. Unit Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan

Dipohon kerjasama tuan untuk memanjangkan perkara ini kepada Cawangan/Seksyen/Unit di bawah seliaan masing-masing.

EDARAN LUARAN :-

1. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya
2. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai
3. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Cheras
4. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa
5. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Kepong

Dipohon kerjasama tuan untuk memanjangkan perkara ini kepada Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan Klinik 1 Malaysia di bawah seliaan masing-masing.